

UCAPAN DASAR



**YBHG DATUK HJ ZEIN ISMA HJ ISMAIL
KETUA UMNO BAHAGIAN SUBANG**

**MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN SUBANG 2017
SABTU 5 OGOS 2017 : 9 PAGI
KELAB RAHMAN PUTRA**

MUKADDIMAH

Assalamualaikum wrt

Alhamdulillah.Segala Puji segala syukur hanya pada Allah swt yang masih memberikan kita kesempatan untuk mengadakan Persidangan UMNO Bhgn Subang bagi tahun 2017 ini. Kita masih berpeluang untuk hadir menyatakan solidariti kita kepada UMNO. Melontarkan idea pandangan dan pemikiran demi kesinambungan masa depan UMNO. Melakar kekuatan mendepani cabaran menjelang PRU 14 nanti. Saya menjangkakan ini adalah persidangan Bahagian yang terakhir sebelum PRU 14. Justeru tema ucapan dasar saya pada kali ini adalah **“SEMARAKKAN PERJUANGAN PARTI”**

Memetik mutiara kata Pendeta Za'ba

'Berbuat baik aduhai rakan, kalau tidak dikenal insan. Kedalam laut dicampakkan, kalau tidak dikenal ikan... Tuhan tahu ialah bukan'

Tanggungjawab kita adalah melakukan kebaikan sebanyaknya. Bukan kerana kedudukan. Bukan kerana habuan. Bukan kerana berkepentingan. Tetapi kerana kebaikan adalah saham masa depan kita mengadap Tuhan.

Sidang Perwakilan sekalian:

Ayam sabung jangan dipaut

Jika ditambah kalah laganya

Asam digunung ikan dilaut

Dalam belanga bertemu jua

Sahabat-sahabat seperjuangan yang dikasihi.

Ketika kita sedang diuji

Adanya sahabat pemberi semangat

Hadirnya kita ke mesyuarat ini

Sebagai tanda kita muafakat

PERKUKUHKAN ASPIRASI PERJUANGAN PARTI

Jika anda tidak tahu, pasanglah telinga cuba amat amati apa yang saya sampaikan ini.

Jika anda lupa, maka dihari ini izinkan saya merperingatkat kita semua.

Nukilan azimat orang lama, teguh semangat, kukuh tekad dek kerana faham akan kalimat, kalimat UMNO penuh keramat.

UMNO dalam tulisan jawinya terdiri dari 4 huruf iaitu huruf Alif, Mim, Nun, Waw.

Alif itu bermakna Allah swt. Kerana perjuangan UMNO adalah kerana Allah, untuk Allah, demi Allah

Mim itu bermakna Muhammad Rasulullah. Islam ini datangnya dari ajaran yang dibawa oleh Baginda. Hidup kita adalah menurut sunnah Baginda. Perjuangan kita adalah warisan perjuangan Baginda

Nun itu bermakna nur... iaitu cahaya. Penyuluh bagi kegelapan adalah cahaya. Pertunjuk bagi kebenaran adalah cahaya. Pedoman bagi kejahilan adalah cahaya.

Waw adalah wadah iaitu landasan atau platform untuk kita berkhidmat.

Alangkah beruntungnya kita kerana menjadi ahli UMNO, berada didalam wadah perjuangan UMNO. Berpeluang untuk berkhidmat menabur jasa dan budi bersama UMNO.

Tidak cukup dengan itu.

Jika kita amat-amati pada logo UMNO itu, kita akan menemui satu lagi azimat hebat tentang UMNO.

Logo UMNO itu terdiri dari 4 huruf juga iaitu huruf Fa, Kaf, Mim dan Ba'. Kemudian disulam dengan 2 bilah keris tidak bersarung.

Huruf Fa itu bermakna... fi sabilillah iaitu perjuangan di jalan Allah. Sidang hadirin sekalian, tidak ada kematian yang paling mulia lagi dicintai oleh Allah swt lebih dari mereka yang mati kerana berada di jalan Allah swt. Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata berperang dengan musuh sebagai mana umat dahulu. Kita tidak perlu mengangkat senjata sebagaimana rakyat Palastin, Syria, Iraq, Yaman yang berperang pada hari ini.

Tetapi kita dipilih oleh Allah swt untuk berada bersama dalam perjuangan UMNO ini yang meletakkan asas yang sangat hebat iaitu perjuangan di jalan Allah. Yang saya yakin sekiranya sampai masa dan ketikanya kita dijemput kembali mengadap Allah... insyaAllah niat kita yang ikhlas untuk membela agamaNya, pasti akan dinilai oleh Allah swt sebagai amal soleh untuk kita.

Hanya UMNO sahaja yang meletakkan asas perjuangan ini. Jika Tuan2/Puan2 suatu hari nanti memilih untuk meninggalkan UMNO sebagaimana yang dilakukan oleh bekas Presiden UMNO, bekas Timbalan Presiden dan pemimpin-pemimpin UMNO yang telah keluar dari UMNO, percayalah... ketika itu Tuan2/Puan telah memilih untuk meninggalkan asas

perjuangan yang diredhai oleh Allah swt dan memilih wadah perjuangan yang tidak seberapa nilainya disisi Allah.

Huruf kaf itu bermakna Kitabullah iaitu Alquran AlQarim. Kerana Alquran itu panduan untuk kita. Kerana Alquran itu kalamullah... maka UMNO meletakkan asas panduan perjuangan adalah berpandukan Alquran. Walaupun pimpinan UMNO bukanlah seorang agamawan yang bergelar Tuan Guru mahu pun Ustaz. Tetapi aspirasi perjuangan UMNO ini tidak sesekali menyalahi apa yang menjadi ajaran AlQuran itu. Bahkan dalam banyak isu-isu berkaitan kepentingan islam dalam Negara ini, diperjuangkan dan dipertahankan oleh UMNO sehingga meletakkan islam sebagai agama bagi Negara ini.

Huruf Mim sekali lagi mengingatkan kita kepada Baginda Nabi Muhammad saw, utusan Allah, kekasih Allah, semulia mulia makhluk yang disebutkan oleh Allah swt dalam firmanNya, yang bermaksud "Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat kepada Nabi, wahai orang-orang beriman berselawat dan ucapkanlah salam kepada Baginda" marilah kita mengucapkan selawat kepada Baginda rasul saw.

Dikesempatan ini saya ingin mengajak sekalian hadirin untuk turut hadir dalam program “Berdoa untuk Malaysia” yang akan diadakan pada 12/8 nanti di Dataran Putrajaya. Mudah mudahan dengan berkat selawat dan doa itu Allah akan sejahterakan Negara kita dan memberi kemenangan buat kita menjelang PRU 14 nanti.

Huruf ba’ bermakna bersatu, bersetia dan berkhidmat yang menjadi motto/slogan parti UMNO ini. Dari bersatu bersetia dan berkhidmat itu akan lahirlah barokah... iaitu keberkatan dari Allah kepada kita. InsyaAllah jika UMNO Bahagian Subang ini bersatu. UMNO Selangor ini bersatu. Keberkatan akan datang dengan diberikan kemenangan kepada kita nanti... aminn ya rabbal a’lamin

Setelah saya ulas makna pada tulisan dan logo UMNO itu, jika ada antara hadirin hari ini yang masih ragu-ragu@akan keluar meninggalkan UMNO masuk ke parti lain... Bermakna anda memilih untuk meninggalkan kemuliaan kepada kehinaan. Meninggalkan kebaikan kepada keburukan. Meninggalkan pahala memilih dosa. Meninggalkan kebenaran menuju kesesatan.

Adakah anda akan berbuat sebegitu? (Tanya pada audien)

Sidang hadirin sekalian.

JANGAN JADI PENGKHIANAT

Memetik mutiara kata Imam Al Ghazali rahimahullah

“Jika tidak boleh jadi seumpama anggerik yang mengindahkan taman. Jadilah seumpama sehelai rumput yang menutupi bumi. Jika tidak mampu menjadi umpama garam yang mengelokkan ikan, jangan jadi umpama langau yang merosakkan setiap persinggahan”.

UMNO yang kita cintai ini tidak lahir dan berjaya dengan begitu mudah. Ia telah melalui pelbagai mehnah. Jatuh bangunnya pejuang yang silih berganti menaburkan jasa budi. Sejarah itu perlu dikenang dan dihargai. Sejarah itu adalah masa lalu yang menjadi panduan untuk kita pada hari ini.

Ulamak Nusantara yang masyhur iaitu Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai HAMKA pernah menceritakan...

Ketika dia sedang duduk membaca kitab Attarikh (sejarah), anaknya bertanya kepadanya...

Wahai bapakku kenapa suka sangat membaca buku sejarah, adakah sejarah akan berulang?

Mendengar soalan itu, HAMKA menjawab...

Wahai anakku, sesungguhnya sejarah itu adalah masa lalu. Setiap apa yang telah berlalu itu tidak akan berulang lagi. Namun kamu akan dapati, tingkah laku manusia, watak dan perangai manusia itu sentiasa berulang-ulang. Maka berhati-hatilah dalam memilih watak untuk diri kamu. Jangan sampai kamu dikenali dengan watak yang tidak baik itu.

Para hadirin yang dihormati.

Kita ada pilihan samada nak memilih watak yang baik untuk dijadikan sebagai ikutan panduan kita atau memilih watak sebagai pengkhianat yang merosakkan wadah perjuangan ini.

Sejarah membuktikan betapa rapuhnya aspirasi perjuangan mereka yang sanggup mengkhianati UMNO ini. Walaupun UMNO banyak berjasa menaikkan nama dan kedudukan mereka... Namun akhirnya dek kerana kepentingan habuan dunia, mereka cuba meruntuhkan ketuatan solidariti UMNO yang telah lama dibina. Amat malang bagi tokoh yang begitu lama bersama UMNO. Tun Mahadhir, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Sanusi Junid, Tun Daim Zainuddin, Tan Sri Zainuddin Maidin dan beberapa nama-nama besar yang pernah memegang jawatan tinggi dalam UMNO dan kerajaan suatu ketika dahulu... Kini menjadi contoh kerapuhan jati diri semangat perjuangan mereka sehingga mereka sanggup berusaha menenggelamkan bahtera UMNO ini dengan bersama pihak lawan.

Kerana itu saya mengingatkan diri sendiri dan memanjangkan nasihat ini kepada sekalian yang hadir agar kita tidak menjadi umpama langau yang merosakkan setiap persinggahan.

Dari Bentan ke Pulau Kandis

Ramai saudagar bermain pakau

Bila dihadapan mulutnya manis

Dalam diam menanam ranjau

Ayuh... Tatkala nafas masih boleh dihela

Tatkala kudrat masih ada

Tatkala pemikiran tidak lupa

Tatkala kuasa masih bersama kita

Kita semarakkan perjuangan untuk mendepani segala cabaran menjelang

PRU akan datang kerana kita kenal siapa kawan siapa lawan.

PERTAHANKAN KUASA DEMI AGAMA

Hilang kuasa hilang segalanya.

Memetik mutiara kata Imam Ibn Khaldun rahimahullah

‘Sesuatu yang tidak ada asasnya pasti akan runtuh. Sesuatu yang tidak dijaga pasti akan hilang’

Dahulu saya terfikir juga kenapa ada parti Politik yang membuka ruang keahliannya kepada pelbagai kaum dan agama. Tidak seperti UMNO dan PAS yang menetapkan keahlian parti hanya kepada orang Melayu bumiputra dan beragama islam.

Akhirnya saya menemui jawapannya iaitu parti yang membuka keahlian kepada pelbagai kaum seperti DAP, PKR dan PAN adalah parti politik yang tidak meletakkan asas perjuangan demi agama didalam dasar perjuangan mereka iaitu perlembagaan parti.

Memetik Firman Allah swt dalam surah Asshura ayat 13 yang bermaksud *“Di syariatkan kepada kamu perkara-perkara agama yang ditetapkan hukumnya. Apa yang diperintahkanNya kepada Nuh, dan yang telah diwahyukan kepadamu wahai Muhammad, juga yang telah Kami*

perintahkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecah-belah”

Dari ayat itu dapat kita faham bahawa tanggungjawab kita sebagai seorang Islam tidak dapat tidak hendaklah kita meletakkan nawaitu untuk memastikan agama ini dimartabatkan, dijaga dan dilindungi kesuciannya. Bahkan banyak lagi peringatan dari Allah swt yang menunjukkan pentingnya kita meletakkan kedudukan islam sebagai keutamaan dalam segala tindakan.

Dilahirkan di bumi Malaysia ini adalah suatu rahmat dan nikmat kerana bersama kita adalah agama Islam. Kita tidak perlu memilih agama kerana kita telah dipilih untuk lahir sebagai orang beragama Islam. Subhanallah besarnya nikmat Iman dan Islam yang dimiliki oleh orang melayu di bumi Malaysia ini.

Namun begitu, nikmat beragama belum tentu mampu mengangkat kemuliaan agama Islam sebagai cara hidup kita. Penghayatan terhadap panduan hidup beragama itulah sebenarnya suatu perjuangan yang

diperjuangkan oleh kepimpinan terdahulu, kini dan selamanya, selagi UMNO menunjangi teraju pemerintahan negara ini. Usaha bagi memartabatkan Islam bukan sekadar slogan, tapi suatu iltizam yang terbukti kejayaannya. Alhamdulillah berkat kesabaran dan kebijaksanaan dalam kepimpinan, kita dapati syiar dan syariat Islam telah dimartabatkan sedikit demi sedikit dalam tadbirurus negara. Sistem pendidikan sebagai contoh, telah mengalami proses tranformasi hebat yang berjaya melahirkan ilmuan-ilmuan pelbagai bidang tetapi memiliki asas kefahaman Islam yang baik.

Hal ini berlaku kerana UMNO meletakkan asas perjuangan yang jelas iaitu berpolitik demi menjaga agama. Berpolitik demi menjaga agama dengan mempolitikkkan agama adalah dua pendekatan yang berbeza.

Berpolitik demi agama adalah merujuk kepada menjadikan kuasa politik untuk menjaga, membela dan memartabatkan agama, sedangkan golongan yang mempolitikkan agama, akan menjadikan agama sebagai alat untuk mencapai matlamat kedudukan mereka dalam politik. Mereka menjadikan agama sebagai tunggangan untuk mencapai kedudukan dalam kerajaan. Setelah memiliki kuasa politik, tidak ada sebarang usaha penambahbaikan yang dilakukan untuk agama. Inilah contoh apa yang berlaku di negeri Selangor pasca PRU12 (2008) apabila kerajaan BN

tumbang kepada Pakatan, mereka membentuk kerajaan di peringkat negeri, sehingga kini (2017) tidak ada sebarang agenda dan usaha ke arah memartabatkan Syariat Islam dilakukan di negeri Selangor ini.

Saya nak tanya kepada Dato' Menteri Besar dan YB EXCO Agama Negeri, sudah berapa pindaan Rang Undang-undang atau Enakmen berkaitan hal ehwal islam telah mereka pinda atau perkenalkan semenjak jadi Kerajaan Negeri?

Apakah blueprint yang kerajaan negeri rangka bagi menangani isu gejala murtad, isu kerosakan akidah umat islam, dan gejala sosial yang semakin meruncing?

Jawapannya nahi kabi nahi... Hampeh pun tidak.

Maknanya mereka tidak serius dalam menangani isu berkaitan ancaman terhadap islam.

Sidang hadirin yang dimuliakan

Walaupun UMNO tidak menjenamakan parti ini sebagai Parti Islam, namun hakikatnya perjuangan UMNO sama sekali tidak menggadaikan Islam, tidak menyimpang dari landasan islam bahkan berpandukan syariat islam. Apabila isu berkaitan kepentingan Islam timbul dalam masyarakat seperti:

1. Isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam,
2. Isu fahaman pluralism dan liberalism dalam agama,
3. Isu kesamarataan gender,
4. Isu kesamarataan hak asasi manusia
5. Isu kebebasan beragama

Maka kepimpinan UMNO mengambil keputusan yang jelas bahawa tidak ada toleransi terhadap apa yang menjadi persoalan asas dalam agama

Kerana asas perjuangan kita adalah demi agama, insyaAllah asas itulah paling kukuh sebagai asas perjuangan yang akan terus kita bela, kita jaga kita pertahankan agar UMNO tidak lemah,UMNO tidak runtuh, UMNO tidak

hilang kuasa, UMNO tidak hanya tinggal nama. Yakinlah kerana perjuangan yang suci ini, kita berada dilandaskan keredhaan Ilahi. Tiada wadah perjuangan semurni UMNO ini, kenapa perlu mengasingkan diri... Kenapa perlu memilih yang lain andai yang terbaik ada disini.

Hadirin hadirat sekalian

KENALILAH SIAPA MUSUH KITA

YAB Dato' Seri Mohd Najib Presiden kita telah mengarahkan agar seluruh jentera kita menyerang habis habisan pihak lawan. Sekarang adalah masanya untuk dedahkan apa yang tidak betul tentang mereka. Sekarang adalah masa untuk kita nyatakan kepada rakyat tentang kepincangan yang mereka lakukan. Sekarang adalah masa untuk kita selamatkan Malaysia ini dari jatuh ketangan mereka. Bukan mereka yang akan selamatkan Malaysia ini. Musuh kita bukan lagi satu, bukan dua, bukan tiga, bukan empat, dan bukan lima. Tapi musuh kita adalah sesiapa sahaja yang menjadi penghalang untuk kita pastikan kemenangan Barisan Nasional ini.

Untuk itu kita perlu kecilkan bilangan musuh dan tambahkan rakan dan sahabat.

Matlamat kita untuk kekalkan Putrajaya dan rampas Selangor. Sesiapa yang boleh membantu kita untuk lemahkan pihak lawan kita terima. Sesiapa yang boleh bantu kita untuk kita menang... Kita terima dan sedia bekerjasama. Kita kena sedar bahawa selain dari parti politik, golongan NGO-NGO juga sangat berpengaruh dan boleh membantu kemenangan kita. Selain itu, tokoh-tokoh berpengaruh tempatan, golongan yang dihormati, disegani juga perlu diberi perhatian untuk didekati. Tokoh-tokoh agama, tokoh akademik, para pesara, antara contoh golongan berpengaruh yang perlu didekati. Bukan hanya dikalangan orang melayu, tetapi semua kaum perlu kita damping kerana yang bertanding adalah Barisan Nasional, bukan UMNO. Jenama BN perlu diangkat ke hadapan. Saya mengharapkan rakan-rakan parti komponen kita mampu bersama mengerakkan usaha meramaikan sahabat BN.

Sidang perwakilan yang dihormati.

Untuk menang kita kena bijaksana mengambil kesempatan. Sesiapa yang boleh membantu kita untuk menang, kita jangan sombong. Bak kata pepatah “*ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya*” Jika selama ini kita dapati bekas pemimpin UMNO dan BN yang melompat bersama mereka, namun kali ini kita juga mesti bijak mengambil kesempatan atas pergolakan yang berlaku dikalangan parti-parti pembangkang untuk pastikan mereka menyebelahi kita.

Yang lebih penting yang perlu kita sedar dan pertahankan adalah solidariti kita. Sesiapa pun kelak yang dinamakan sebagai calon... Kita akan pastikan seluruh jentera kekuatan digerakkan untuk memastikan kemenangan kepada Barisan Nasional. Jangan ada rasa tidak puas hati. Jangan bergaduh sesama sendiri. Bak kata pepatah *Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah*. Satukan ukhuwah kukuhkan mahabbah. InsyaAllah kita mampu merobohkan tempok pertahanan Pakatan Harapan di Parlimen Subang dan DUN Paya Jaras nanti.

Bilik-bilik gerakan di PDM hendaklah mula bersiap sedia

Jentera wanita, JR, perayu, polling & caunting adakah sudah diperkasa...

Jentera penerangan di DUN dan cawangan hendaklah mula merangka tindakan menyerang lawan. Masa semakin singkat untuk kita. Ayuhlah bersama sama kita melakar perancangan kembalikan kejayaan Subang kepada Barisan. Pilih Barisan lupakan Pakatan. War-warkan tagline ini...

“Pilih Barisan lupakan Pakatan”.

Sahabat rakan seperjuangan yang saya kasih,

Izinkan saya akhiri ucapan saya ini dengan perkongsian **1 cerita**.

Ada sepasang suami isteri ini. Mereka dikurniakan 4 orang cahaya mata semua perempuan yang hampir sebaya ja umurnya... Beza 1 tahun ja. Sampai masa dan ketikanya anak perempuan mereka dah besar-besar semua... si ayah berkata kepada si ibu... Apa kata kita kahwinkan anak-anak kita ni ketiga-tiganya serentak. Jimat belanja dan senang urusannya sekali gus ja. Bersetujulah si ibu lalu ditetapkan hari untuk dilangsungkan majlis perkahwinan anak2 mereka 4 orang sekali dalam satu majlis.

Selesailah majlis perkahwinan anak anak mereka itu dengan sempurna penuh meriah. Bagi menghargai anak-anak... Si ayah bersetuju menaja pakej berbulan seminggu ke pulau-pulau peranginan.

Anak sulong ke Pulau Langkawi

Anak no 2 ke Pulau Tioman

Anak no 3 ke Pulau Perhentian

Anak no 4 ke Pulau Redang

Oleh kerana anak anak ni sangat rapat dengan ibu mereka dan tidak pernah berpisah lama dengan ibunya... Maka ibunya pun terfikirilah satu idea. Dia berpesan kepada anak-anaknya. Nanti bila dah sampai sana jangan lupa hantar mesej wasap pada ibu. Tapi jangan tulis panjang-panjang... Ringkas macam kod aja. Nanti ayah ko baca pulak.

Berangkatlah 4 orang anak-anak mereka dengan pasangan masing-masing untuk berbulan madu. Si ibu dirumah menunggu dengan penuh debaran...

Malam pertama masuk 1 mesej dari anak sulong wasap berbunyi...

Standard chartered bank.

Si ibu pun search google untuk faham kod standard chartered itu... oooo...
Dia pun tersenyum kerana kod itu bermaksud **besar, teguh, peramah**...
untung ko nak.

Si ibu menanti lagi penuh debaran... mana anak yang 3 lagi belum hantar mesej ni. Selang beberapa jam kemudian masuk mesej ke 2 dari anak ke 2 yang berbunyi KFC. Si ibu pun search pulak apa maksud KFC itu...lalu dia tersenyum...*sedap sehingga menjilat jari*... KFC.

Tunggu mesej dari 2 lagi anak yang takda berita lagi ni... Tunggu punya tunggu sampai tertidor. Keesokan paginya masuk 1 mesej dari anak no 3... berbunyi... Nescafe... si ibu pun search pulak apa maksud Nescafe itu... lalu dia tersenyum... Nescafe... *Nikmat tak terhingga*.

Si ibu ni masih ternanti-nanti... Mana anak aku no 4 ni tak hantar-hantar mesej ni. Hari ke 2 takda mesej, hari ke3 pun takda lagi... tiba hari ke 4 baru dapat mesej dari anak no 4... Mesej ada 2 kod... UMNO dan Air Asia... Si ibu pun search apa maksud kod UMNO

Apa maksud kod UMNO tuan-tuan....? Bersatu Bersetia Berkhidmat... ooo

Cari pulak maksud kod Air Asia... 7 kali seminggu 3 jam tanpa henti... tuuu
dia patut la lambat hantar mesej.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kalau kita nak menang kita kena kerja kuat. 7 hari seminggu kita bekerja tanpa henti ertinya bersungguh sungguh untuk menyelamatkan Malaysia ini dari jatuh ke tangan puak Pakatan Harapan. Dan untuk pastikan kita berjaya membentuk kerajaan di negeri Selangor ini. insyaAllah berkat kegigihan kita, kerja kuat kita, doa dan harapan yang kita panjatkan pada Allah swt, kita akan beroleh kemenangan yang cemerlang.

Hidup UMNO.

Hidup Barisan.

Allahhuakbar.

Sekian wassalam.

Zein Isma Ismail

5 Ogos 2017; 05:26hr